



**SUPERNATURAL DALAM CERITA RAKYAT MELAYU KEDAH**

Oleh

**NOR HANISAH BINTI HALIM**

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera**

**Februari 2021**

**FBMK 2021 74**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak Cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Buat suamiku yang aku cintai  
Terima kasih di atas dorongan dan sokongan Pengorbananmu begitu  
besar buatku  
Doa, kasih sayang dan perhatianmu membantuku dalam mengharungi  
setiap kesukakaran dalam perjuangan ini  
Terima kasih atas doamu.

Buat almarhum ayahanda  
Terima kasih di atas segala pengorbanan Walau engkau telah tiada  
Ingatanku padamu tetap selalu berada di fikiran Akan ku kirim doa disetiap  
sujudku  
Sebagai tanda kasih sayangku padamu.

Buat bonda yang aku kasihi dan kusanjungi Akan ku kenang jasamu  
membesarkanku Segala titik susumu itu  
Tidak akan ku persia-siakan Untuk menjadi manusia yang berguna  
Di dunia dan akhirat Terima kasih bonda.

Buat saudara kandungku Terima kasih atas dorongan kalian  
Untuk aku menghadapi dunia Yang penuh dengan duri dan liku ini  
Segala suka dan duka kita bersama biarlah menjadi rahasia kita.

Malah dedikasi ini juga dituju kepada penyelia tesis  
**Prof. Madya Dr Roslina Abu Bakar** dan ahli jawatankuasa penyelia tesis  
**Prof. Madya Dr Arbaie Sujud**  
yang sentiasa sabar dalam memberikan tunjuk ajar.

Untuk sahabat yang tersayang  
Terima kasih memberi kata-kata semangat yang tidak putus-putus Jasa  
dan pertolongan kalian tidak akan aku lupakan.

Terima kasih kepada semua kerana sentiasa menyokong dan memberi  
dorongan untuk menyiapkan tesis ini.

**Nor Hanisah Binti Halim**  
**UPM (2021)**

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sastera

## **SUPERNATURAL DALAM CERITA RAKYAT MELAYU KEDAH**

Oleh

**NOR HANISAH BINTI HALIM**

Februari 2021

**Pengerusi : Profesor Madya Roslina binti Abu Bakar, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Supernatural boleh diterokai menerusi hasil kesusasteraan tradisional yang mengungkapkan kepercayaan masyarakat silam terhadap unsur mitos, mistik, sakral dan sebagainya. Supernatural ialah perkara-perkara yang tidak dapat digarap oleh kemampuan manusia biasa seperti kewujudan makhluk-makhluk ghaib. Masyarakat Melayu tradisional percaya terhadap fenomena alam luar biasa ini hidup dari generasi ke satu generasi melalui tradisi lisan. Tambahan pula, cerita rakyat bukan sahaja sebagai hasil pengucapan sastera bagi sesuatu masyarakat tetapi juga dapat memberikan gambaran cara hidup atau lingkaran budaya sesuatu masyarakat. Penyampaian cerita rakyat Melayu yang dituturkan oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya menggambarkan hubungan manusia dengan kuasa ghaib. Jesteru bertitik tolak daripada pendapat sarjana-sarjana tersebut, kajian ini dilakukan untuk melihat kewujudan supernatural dalam cerita rakyat Melayu, Kedah. Kajian ini mempunyai dua objektif iaitu yang pertama mengklasifikasikan supernatural dalam cerita rakyat Melayu Kedah dan menganalisis supernatural dalam cerita rakyat Melayu Kedah berlandaskan model R.Lina:Komunikasi Dua Hala Terancang. Bagi melengkapkan kajian ini, teori yang digunakan ialah model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang (Roslina Abu Bakar, 2013). Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini mengaplikasikan kaedah kualitatif iaitu kajian lapangan. Penganalisan kajian ini berlandaskan Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang oleh Roslina Abu Bakar (2013). Analisis data kajian dipecahkan kepada lima iaitu kewujudan makhluk ghaib, kewujudan objek yang luar biasa, kewujudan binatang yang luar biasa, kewujudan fenomena yang luar biasa dan kewujudan alam yang luar biasa. Hasil dapatan kajian mendapati terdapat dua belas cerita rakyat Melayu yang menepati unsur-unsur supernatural yang diketengahkan oleh Noriah Taslim (1983) dan cerita rakyat di Kedah ini mempunyai banyak cerita yang berkaitan dengan supernatural dan alam ghaib yang masih dipercayai oleh masyarakat setempat tentang kewujudannya walaupun secara kasarnya kepercayaan terhadap kuasa

supernatural yang dipengaruhi oleh kepercayaan animisme dan Hindu ini dilihat telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Melayu. Cerita rakyat Melayu mempunyai banyak kisah-kisah supernatural yang perlu di lestari dan diperingati agar tidak hilang ditelan zaman.



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in  
fulfilment of the requirement for the degree of Master of Arts

## ***SUPERNATURAL IN KEDAHAN MALAY FOLKLORE***

By

**NOR HANISAH BINTI HALIM**

**February 2021**

**Chairman : Associate Professor Roslina binti Abu Bakar, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

Supernatural can be explored through the production of traditional literature that reveals the beliefs of the society in the past towards the elements of myth, mysticism, sacredness and so on. Supernatural are things that cannot be worked on by ordinary human abilities such as the existence of supernatural. Every individual from the traditional Malay society believed the realm of extraordinary phenomena that lives from generation to generation through oral tradition. In addition, folklore is not only the result of literary expression for a society, but it can also provide a picture of the way of life or cultural circle of a society. Presentation of Malay folk tales narrated by entertainer or storytellers are capable of describing the relationship between humans and the supernatural. Hence, based on the opinions from the aforementioned scholars, this study was conducted to observe the existence of the supernatural in Malay folklore in Kedah. This study has two objectives: first, to classify the supernatural in Kedahan Malay folklore and the second, to analyse the supernatural in Kedahan Malay folklore based on the model Komunikasi Dua Hala Terancang by R. Lina. To fulfil this study, the theory used is the model Komunikasi Dua Hala Terancang by R. Lina (Roslina Abu Bakar, 2013). To achieve the objectives of this study, this study applied a qualitative method that is field research. This study also used the library method as well as text analysis. The analysis of this study is based on the R.Lina's Model: Komunikasi Dua Hala Terancang (2013). The analysis of data for this study is divided into five which are the existence of supernatural beings and spirits, the existence of extraordinary objects, the existence of extraordinary animals, the existence of extraordinary phenomena and the existence of extraordinary realm. The findings of the study there were twelve Malay folklore that meet the elements of the supernatural is featured by Noriah Taslim (1983) and folklore in Kedah showed that there are many stories associated with supernatural and the supernatural realm that are still believed by the local community about its existence, even though the belief in the supernatural powers that is roughly influenced by animism and

Hinduism, appeared to have been abandoned by the community. Malay folklore has many tales of the supernatural that needs to be conserved and remembered so that it will not be forgotten.



## Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor Madya Dr. Roslina binti Abu Bakar

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan:

Profesor. Madya Dr. Arba'ie bin Sujud

## JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xv
<b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	4
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Kepentingan Kajian	4
1.6 Batasan Kajian	5
1.6.1 Batasan Aspek Kajian	5
1.6.2 Batasan Bahan Kajian	6
1.6.3 Batasan Pemilihan Responden	7
1.6.4 Batasan Pemilihan Lokasi Kajian	8
1.6.5 Batasan Kaedah Kajian	9
1.6.6 Batasan Teori Konseptual	9
1.7 Definisi Operasional	10
1.7.1 Definisi Supernatural	11
1.7.2 Definisi Cerita Rakyat	12
1.7.3 Definisi Melayu	14
1.8 Kesimpulan	15
<b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Kajian tentang Supernatural	16
2.3 Kajian tentang Cerita Rakyat Melayu	22
2.4 Kajian tentang Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang (Roslina Abu Bakar, 2013)	24
2.5 Jurang Penyelidikan	26
2.6 Kesimpulan	27
<b>3 METODOLOGI KAJIAN</b>	28
3.1 Pengenalan	28
3.2 Kaedah Kajian	28
3.2.1 Bahan Kajian	28
3.2.1.1 Sinopsis Cerita Mahsuri	29
3.2.1.2 Sinopsis Cerita Puteri Dayang Bunting	29

3.2.1.3	Sinopsis Cerita Gunung Mat Cincang Gunung Mat Raya	30
3.2.1.4	Sinopsis Cerita Puteri Lindungan Bulan	30
3.2.1.5	Sinopsis Cerita Raja Bersiung	31
3.2.1.6	Sinopsis Cerita Garuda dan Jentayu	31
3.2.1.7	Sinopsis Cerita Telaga Tujuh	31
3.2.1.8	Sinopsis Cerita Bukit Hantu	32
3.2.1.9	Sinopsis Cerita Gunung Keriang	32
3.2.1.10	Sinopsis Cerita Ular Cintamani	32
3.2.1.11	Sinopsis Cerita Bidan Ngah Don	33
3.2.1.12	Sinopsis Cerita Gunung Jerai	33
3.2.2	Instrumen Kajian	33
3.2.2.1	Kajian Lapangan	34
3.2.2.2	Temu bual	34
3.2.2.3	Pemerhatian	34
3.2.2.4	Rakaman	35
3.2.2.5	Transkripsi	36
3.2.3	Kaedah Kepustakaan	36
3.2.4	Kaedah Analisis Data	36
3.3	Kerangka Teori	37
3.3.1	Konsep Supernatural	38
3.3.2	Model R.Lina: Komunikasi Dua Hala Terancang (Roslina Abu Bakar, 2013)	38
3.3.2.1	Sumber (penglipurlara) hubungannya dengan Tuhan	39
3.3.2.2	Sumber (penglipurlara) Hubungannya dengan Individu	40
3.3.2.3	Sumber (penglipurlara) Hubungannya dengan Masyarakat	41
3.3.2.4	Sumber (penglipurlara) Hubungannya dengan Alam	41
3.4	Kerangka Konseptual	43
3.5	Kesimpulan	44
<b>4</b>	<b>ANALISIS DAN DAPATAN</b>	<b>45</b>
4.1	Pengenalan	45
4.2	Mengklasifikasikan Supernatural dalam Cerita Rakyat Melayu Kedah	46
4.2.1	Rumusan	49
4.3	Menganalisis Supernatural dalam Cerita Rakyat Melayu Kedah	49
4.3.1	Kewujudan Makhluk Ghaib dalam Cerita Rakyat Melayu	50
4.3.1.1	Alam Orang Bunian dan Alam Kayangan Sebagai Makhluk Ghaib	51
4.3.1.2	Manusia Luar Biasa Sebagai	

	Makhluk Ghaib	58
4.3.1.3	Hantu Sebagai Makhluk Ghaib	63
4.3.2	Kewujudan Objek-objek luar biasa dalam Cerita Rakyat Melayu	65
4.3.2.1	Keris Pusaka Sebagai Objek Luar Biasa	66
4.3.2.2	Baju Sakti Sebagai Objek Luar Biasa	68
4.3.2.3	Kapal yang Disumpah Menjadi Batu Sebagai Objek Luar Biasa	70
4.3.3	Kewujudan Binatang yang Luar Biasa dalam Cerita Rakyat Melayu	72
4.3.3.1	Garuda dan Jentayu Sebagai Binatang Luar Biasa	72
4.3.3.2	Buaya Putih, Ikan Duyung dan Singa Sebagai Binatang Luar Biasa	75
4.3.3.3	Ular Cintamani Sebagai Binatang Luar Biasa	77
4.3.4	Kewujudan Fenomena yang Luar Biasa dalam Cerita Rakyat Melayu	78
4.3.4.1	Kewujudan Telaga Tujuh Sebagai Fenomena Luar Biasa	79
4.3.4.2	Kewujudan Telaga Ajaib Sebagai Fenomena Luar Biasa	81
4.3.4.3	Kejadian Gigi Bersiung Sebagai Fenomena Luar Biasa	83
4.3.5	Kewujudan Alam yang Luar Biasa dalam Cerita Rakyat Melayu	85
4.3.5.1	Kejadian Sumpahan Mahsuri Sebagai Alam Luar Biasa	86
4.3.5.2	Kewujudan Tasik Ajaib Sebagai Alam Luar Biasa	89
4.3.5.3	Kewujudan Kapal yang Menjadi Gunung Sebagai Alam Luar Biasa	90
4.3.5.4	Kejadian Sumpahan Gunung Mat Raya Gunung Mat Cincang dan Bukit Sawar Sebagai Alam Luar Biasa	92
4.3.6	Rumusan	95
4.4	Kesimpulan	96
<b>5</b>	<b>RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	<b>98</b>
5.1	Pengenalan	98
5.2	Rumusan	98
5.3	Cadangan	103
5.4	Kebaharuan	104
5.5	Penutup	105



## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Pemilihan Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Kriteria Supernatural	7
2	Konsep Supernatural	37
3	Model R. Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang	37
4	Kerangka Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang Dipetik daripada Roslina Abu Bakar (2013). <i>Komunikasi Dua Hala Terancang: Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu</i>	42
5	Kerangka Konseptual Kajian	43
6	Unsur Supernatural oleh Noriah Taslim (1983)	47
7	Klasifikasi cerita rakyat Melayu berdasarkan unsur supernatural	49
8	Gabungan Konsep Supernatural (Noriah Taslim ,1983) dan Model R. Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang	104

## SENARAI SINGKATAN

UPM	Universiti Putra Malaysia
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
R.L : KDHT	R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Masyarakat Melayu tradisi mempercayai unsur supernatural dalam segenap aspek kehidupan terutamanya dalam hal-hal yang melibatkan kepercayaan terhadap kewujudan alam ghaib. Menurut Roslina Mat Riffin (1992: 89), konsep kepercayaan orang Melayu merupakan sesuatu yang kompleks disebabkan percampuran unsur-unsur kepercayaan yang diwarisi. Hal ini dapat dilihat dalam kehidupan orang Melayu umpamanya, kanak-kanak telah diperkenalkan dengan konsep hantu, penunggu dan puaka. Semua unsur-unsur tersebut ialah unsur ghaib yang boleh memberi mudarat jika terlanggar pantang atau menyebabkan kuasa supernatural itu marah. Masyarakat Melayu dahulu mempercayai perkara-perkara yang berunsur semangat dan magis serta kepercayaan ini masih terdapat dalam kehidupan mereka secara tidak langsung (Mohd Taib Osman, 1989:82). Menurut Afendy Widayat (2008:133), yang memetik maksud supernatural dalam Kamus Besar Bahasa Indonesia (2001:1107), yang menjelaskan supernatural ialah ajaib atau tidak dapat dijelaskan dengan akal yang sihat, ghaib atau adikodrati.

Mohd Khairulnazrin, Muhammad Syafee Salihin Hassan dan Ishak Haji Sulaiman (2016:156), kepercayaan kepada makhluk supernatural ini menyebabkan timbulnya perasaan takut dan hormat kepada mereka. Makhluk-makhluk halus atau ghaib akan berasa marah jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan dan bertindak sesuka hati tanpa menghormati mereka dan mengambil langkah yang silap. Masyarakat yang percaya terhadap kuasa ghaib ini haruslah sentiasa menjaga tingkah laku dan mengikut pantang larang supaya tidak menimbulkan kemarahan makhluk supernatural. Menurut Intan Farhana Saparudin, Fariza Md Sham dan Salasiah Hanim Hamzah (2014:6), masyarakat Melayu juga percaya kejadian histeria berlaku disebabkan oleh unsur-unsur supernatural iaitu hantu, jin dan syaitan. Menurut Ahmad Zuhairi, Hariza Mohd Yusof, dan Nizamiah Muhd Nor (1999:1), kepercayaan kepada alam mistik bukanlah sesuatu yang baru muncul, malah dipercayai wujud semenjak awal kewujudan manusia lagi. Ahli-ahli filsafat ketika itu sudah mempunyai tentang konsep penciptaan dan ketuhanan. Alam mistik juga merupakan satu fenomena supernatural dalam kalangan masyarakat. Alam mistik ini tidak asing lagi dengan perkataan dukun, bomoh atau pawang yang mendapat ilmu daripada makhluk lain ataupun makhluk ghaib. Kebanyakan cerita yang didengar oleh masyarakat mengenai orang yang meninggalkan kampung halaman selama beberapa waktu dan apabila dia pulang atau dijumpai kembali maka ia sudah mempunyai kepandaian mengubati orang lain yang didakwa diperolehi oleh orang bunian, penunggu, ataupun sahabat

dari alam lain. Jelaslah bahawa, kejadian ini merupakan fenomena supernatural yang terdapat dalam dunia masyarakat Melayu yang dipercayai dari zaman dahulu lagi.

Menurut Roslina Abu Bakar (2012:29), cerita rakyat berkembang dalam kalangan masyarakat yang memilikinya secara bersama-sama. Cerita rakyat bersifat kolektif dan penyebarannya adalah secara lisan dan disampaikan oleh penglipur lara. Terdapat dua jenis penglipur lara iaitu penglipur lara yang amaturnya dan penglipur lara yang profesional. Selain itu juga, cerita rakyat juga dikenali sebagai sastera lisan yang disebarkan melalui penceritaan dan dimiliki secara diwarisi dari turun-temurun. Cerita rakyat Melayu lahir dalam masyarakat primitif dan berfikiran tertutup, bersifat magis, tidak reflektif dan tidak logik. Menurut Noriah Taslim (2010:4), dalam proses penceritaan lisan dunia nyata dan dunia ghaib saling bergabung jalin dan berinteraksi. Segala unsur binatang, dewa, pari- pari dan manusia sama penting dalam membentuk satu kosmos yang seimbang dan bermakna. Masyarakat seolah-olah belajar sesuatu dari dunia ghaib dan mereka menerima perkongsian tersebut sebagai sesuatu cerita yang benar. Menerusi tradisi lisan, persoalan dalam hubungan antara alam manusia dengan alam ghaib dipaparkan dengan membawa fungsi yang tertentu sebagai medium pendidikan, fantasi dan hiburan. Watak makhluk ghaib dalam tradisi lisan digambarkan mempunyai pengaruh yang besar terhadap manusia dan kehadiran makhluk ghaib tersebut berupaya membawa perubahan dalam hidup bagi watak manusia.

Jelaslah di sini, sesuatu yang dikatakan supernatural ialah melibatkan hal-hal yang berada di luar kebiasaan alam nyata, termasuklah perkara-perkara yang aneh dan paranormal. Dalam kehidupan Melayu sebahagian besar unsur supernatural ini diterokai semula melalui hasil kesusasteraan Melayu tradisional yang mengungkapkan kepercayaan masyarakat silam terhadap unsur mitos, mistik, sakral dan sebagainya. Supernatural berkait rapat dengan cerita rakyat Melayu diceritakan sejak turun temurun. Sastera rakyat atau sastera lisan merupakan bentuk kesusasteraan awal yang lahir dalam kebudayaan manusia. Keadaan ini berlaku di mana sistem tulisan belum muncul dan cerita rakyat ini diceritakan dari mulut ke mulut. Sastera yang berbentuk lisan ini berkembang meluas dalam masyarakat Melayu lama. Sastera rakyat yang berbentuk lisan ini merupakan sastera Melayu yang tertua dalam masyarakat Melayu. Hal ini jelaslah yang sastera rakyat ini banyak mempunyai unsur supernatural yang dapat dikaji dan diterokai.

## 1.2 Permasalahan Kajian

Dalam perubahan masa, sebahagian besar daripada unsur paranormal yang terpendam dalam psiko orang Melayu masih terus hidup, sama ada dalam bentuk asal atau berinovasi dalam bentuk-bentuk naratif yang baharu. Kajian tentang paranormal ini masih banyak yang belum diterokai terutamanya

dalam korpus kesusasteraan Melayu tradisional yang mempunyai sejumlah besar bahan yang mengandungi unsur paranormal. Menurut Jelani Harun (2018:38), dalam artikelnya yang bertajuk *Naratif Paranormal Melayu* menyatakan bahawa penyelidikan dan penulisan tentang naratif paranormal Melayu masih belum banyak dilakukan sarjana sebelum ini dan masih banyak perkara yang perlu dibincangkan dan masih banyak persoalan konseptual yang harus dibentangkan menggunakan korpus kesusasteraan Melayu tradisional.

Menurut Nor Hanisah, Roslina Abu Bakar dan Arbai'e Sujud (2021:1427) mengatakan masyarakat Melayu tradisi masih mempercayai unsur supernatural dalam segenap aspek kehidupan yang melibatkan kepercayaan terhadap benda-benda ghaib dan cerita rakyat di negeri Kedah banyak memaparkan unsur-unsur supernatural yang masih dipercayai benar oleh masyarakat setempat tentang kewujudannya.

Mitos dalam sastera rakyat mengisahkan asal mulanya terjadi sesuatu tentang ketuhanan, iaitu pencipta, makhluk yang berkuasa, dewa dan juga dewa dewi. Selain itu juga mitos menceritakan bagaimana terjadinya alam semesta, dunia, manusia pertama, asal usul kejadian makhluk yang mendiami dunia termasuklah makhluk halus iaitu makhluk ghaib seperti binatang, tumbuhan, topografi dunia seperti tasik, gunung-ganang dan pulau. Fenomena alam seperti ribut, kilat, siang, malam dan gerhana dan termasuklah kisah percintaan dewa-dewi, hubungan kekerabatan, peperangan dan pengembaraan mereka seperti yang diceritakan dalam cerita "Asal Usul Kejadian Isi Dunia" dalam *Mutiara Sastera Melayu Tradisional* (2003: 15).

Selain itu juga, menurut Roslina Abu Bakar (2020:247) cerita rakyat Melayu di negeri Kedah terdapat unsur realiti dan fantasi. Unsur fantasi dikaitkan dengan unsur supernatural seperti kewujudan binatang yang aneh dan kejadian yang luar biasa. Cerita rakyat Melayu di Kedah ini terkenal dan kaya dengan tradisi lisan Melayu yang mempunyai unsur supernatural yang berunsur fantasi.

Wan Nor Jasmina dan Ramli Abdullah (2015:568) menyatakan kepercayaan masyarakat Melayu tradisional banyak bersandarkan kepada elemen kuasa supernatural di mana kuasa yang menguasai dan mengawal alam sekeliling. Masyarakat Melayu masih mempercayai tentang adanya satu kuasa yang luar biasa seperti supernatural dalam seni persembahan kebudayaan Melayu. Masyarakat Melayu juga mempercayai benar tentang elemen-elemen magis dan supernatural dalam kehidupan manusia walaupun agama Islam menjadi tunggak kepercayaan masyarakat Melayu.

Tambahan pula, menurut Roslina Abu Bakar (2012:29), penyampaian cerita rakyat Melayu yang dituturkan oleh penglipur lara atau tukang cerita berupaya menggambarkan hubungan manusia dengan kuasa ghaib. Cerita rakyat meliputi gambaran mengenai kuasa ghaib itu sendiri yang tidak terdapat di dunia nyata, kuasa ghaib dan perkaitannya dengan manusia, kuasa ghaib atau penjelmaannya yang berhubungan dengan anasir alam yang lain serta sifat manusia yang mempunyai ciri-ciri ghaib. Cerita rakyat dapat memberikan gambaran cara hidup sesuatu masyarakat dan cerita rakyat bukanlah hasil pengucapan sastera semata-mata.

Bertitik tolak daripada pendapat tokoh-tokoh di atas, kajian ini dijalankan adalah untuk membuktikan sejauh manakah kebenaran unsur ghaib dan supernatural dalam cerita rakyat Melayu dan kajian ini dijalankan untuk mengklasifikasi dan menganalisis supernatural dalam cerita rakyat Melayu kerana cerita rakyat Melayu ini terdapat cerita yang berunsur alam ghaib atau supernatural.

### **1.3 Persoalan Kajian**

Persoalan kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik dalam kajiannya iaitu supernatural dalam cerita rakyat Melayu Kedah.

1. Apakah kategori supernatural dalam cerita rakyat Melayu Kedah?
2. Bagaimanakah supernatural dalam cerita rakyat Melayu kedah di analisis?

### **1.4 Objektif Kajian**

Terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai oleh penyelidik dalam kajian ini sebagaimana berikut:

1. Mengklasifikasikan supernatural dalam cerita rakyat Melayu, Kedah.
2. Menganalisis supernatural dalam cerita rakyat Melayu, Kedah berlandaskan model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang (Roslina Abu Bakar, 2013)

### **1.5 Kepentingan Kajian**

Terdapat beberapa manfaat yang akan diperoleh melalui kajian yang telah dijalankan ini.

Pertama, melalui kajian yang dilakukan ini membolehkan pengkaji-pengkaji yang akan datang menjadikan kajian ini sebagai sumber inspirasi untuk melakukan kajian yang terkini dengan dengan lebih baik dan bermutu. Berdasarkan kajian ini, ia akan memudahkan pengkaji akan datang untuk mencari maklumat membuat kajian-kajian yang akan datang dengan merujuk kajian yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu.

Kedua ialah dengan segala maklumat-maklumat yang ditemui ia sedikit sebanyak dapat membantu khalayak sastera mengenai perkembangan terkini dunia sastera dalam unsur supernatural dalam cerita rakyat Melayu. Disebabkan bidang ini menjurus kepada bidang sastera maka segala hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji dapat dijadikan sebagai sumber pengetahuan yang baru kepada diri pengkaji mahupun pengkaji akan datang dan khalayak. Disamping itu juga, kepentingan kajian ini ialah untuk menghapuskan salah faham masyarakat terhadap fungsi dan tujuan cerita rakyat Melayu yang selama ini dianggap sebagai tidak berfaedah dan bersifat dongeng semata-mata.

Selain itu, kepentingan kajian ini juga ialah ia dapat menambahkan bilangan pengkaji yang ingin mengkaji dan memberi sumbangan kepada bidang yang ingin dikaji. Segala hasil kajian yang dilakukan oleh pengkaji sastera telah memberi sumbangan yang besar terhadap dunia sastera pada masa kini dan masa akan datang. Disebabkan pada masa kini, bidang sastera kurang mendapat perhatian dan sambutan berbanding bidang-bidang yang lain, maka pengkaji haruslah sedaya upaya menghasilkan kajian yang bermutu supaya dapat menyebarkan semula warisan tradisi kita dan seterusnya mampu menaikkan martabat bidang sastera Melayu khasnya di Malaysia.

## **1.6 Batasan Kajian**

Batasan kajian dilakukan supaya lebih berfokus dan perbincangan tidak lari dari aspek yang akan dibincangkan. Jesteru pengkaji akan membataskan kajian ini kepada perkara-perkara seperti batasan dari segi aspek, responden, tempat, kaedah kajian, teori konseptual.

### **1.6.1 Batasan Aspek Kajian**

Kajian ini dibataskan kepada unsur supernatural iaitu tentang cerita yang memerikan kewujudan makhluk ghaib dan makhluk halus, kewujudan objek-objek luar biasa dalam cerita, kewujudan binatang yang luar biasa, kewujudan fenomena yang luar biasa dan kewujudan alam yang luar biasa. Kajian ini menggunakan konsep supernatural yang diketengahkan oleh Noriah Taslim (1983). Justifikasinya, supernatural yang diguna pakai dalam kajian berpandukan konsep Supernatural oleh Noriah Taslim (1983) kerana

ia selari dengan objektif dan fokus kajian pengkaji iaitu mengenai kewujudan makhluk halus dan makhluk ghaib atau supernatural, kewujudan objek yang aneh dan luar biasa, kewujudan binatang yang luar biasa dan aneh, kewujudan fenomena yang bersifat aneh dan luar biasa dan kewujudan alam yang sungguh luar biasa. Pemilihan konsep supernatural oleh Noriah Taslim (1983) selari dengan pendapat Roslina (2012:29) yang menyatakan bahawa cerita rakyat meliputi gambaran mengenai kuasa ghaib yang tidak terdapat dalam dunia nyata, kuasa ghaib dan perkaitannya dengan manusia, kuasa ghaib atau penjelmaan yang berhubungan dengan anasir alam lain serta sifat manusia yang mempunyai ciri-ciri ghaib.

### **1.6.2 Batasan Bahan Kajian**

Bahan kajian yang paling utama dalam kajian ini ialah cerita rakyat Melayu. Kajian ini mengfokuskan kepada cerita rakyat Melayu yang terdiri daripada cerita lagenda, cerita lagenda, cerita mitos dan cerita binatang yang terdapat unsur supernatural dalam cerita rakyat Melayu. Pada permulaan, 15 buah cerita rakyat Melayu yang dipilih, setelah diteliti dan melakukan saringan, hanya terdapat 12 buah cerita rakyat Melayu yang memenuhi kriteria iaitu mempunyai unsur supernatural. Kriteria pemilihan cerita rakyat Melayu adalah berdasarkan konsep supernatural yang dikemukakan oleh Noriah Taslim (1983:331). Pengkaji memilih dua belas buah cerita rakyat Melayu dan cerita yang dipilih berdasarkan cerita yang terdapat ciri-ciri supernatural. Pemilihan cerita tersebut sebagaimana berikut :

1. *Mahsuri*
2. *Puteri Dayang Bunting*
3. *Gunung Mat Cincang Gunung Mat Raya*
4. *Puteri Lindungan Bulan*
5. *Raja Bersiung*
6. *Gunung Keriang*
7. *Bukit Hantu*
8. *Garuda dan Jentayu*
9. *Telaga Tujuh*
10. *Ular Cintamani*
11. *Gunung Jerai*
12. *Kisah Bidan Ngah Don*

Justifikasinya, pemilihan dua belas cerita rakyat Melayu tersebut kerana cerita tersebut terdapat unsur supernatural. Hal tersebut dapat dilihat dalam rajah berikut :

Bil	Kriteria Pemilihan Bahan	Mahsuri	Puteri Dayang Bunting	Gunung Mat Cincang Gunung Mat Raya	Beras Terbakar	Puteri Lindungan Bulan	Raja Bersiung	Garuda dan Jentayu	Telaga Tujuh	Bukit Hantu	Gunung Keriang	Kisah Padang Jarak Padang Terkukur	Ular Cintamani	Kisah Burung Helang	Kisah Bidan Ngah Don	Gunung Jerai
1.	Kewujudan makhluk ghaib dan makhluk Halus	✓				✓			✓	✓					✓	✓
2.	Kewujudan objek-objek luar biasa	✓	✓													✓
3.	Kewujudan binatang-binatang yang luar biasa		✓					✓					✓			
4.	Kewujudan fenomena yang luar biasa						✓		✓							✓
5.	Kewujudan alam yang luar biasa	✓	✓	✓							✓					

**Rajah 1 : Pemilihan Cerita Rakyat Melayu Berdasarkan Kriteria Supernatural**

### 1.6.3 Batasan Pemilihan Responden

Pengkaji akan menemu bual penutur yang akan memberikan maklumat atau bercerita mengenai cerita rakyat yang diinginkan oleh pengkaji. Penutur terbahagi kepada dua iaitu penutur amatir dan penutur yang profesional. Manakala penutur amatir adalah penutur yang tidak mempunyai kepakaran dalam bercerita dan bukan penutur profesional tetapi penutur amatir ini mengetahui cerita rakyat Melayu melalui nenek moyang dan orang tua. Penutur profesional adalah penutur yang popular dan dikenali ramai serta mahir dalam bermain alat muzik. Setiap penutur profesional mempunyai nama tertentu dan berbeza dengan setiap negeri. Kebiasaannya penutur profesional dikenali sebagai penglipur lara, tok selampit, pawang ana, ana batin dan sebagainya. Responden yang dipilih adalah dalam kalangan informan yang amatir yang mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang cerita rakyat Melayu terutamanya cerita rakyat Melayu yang berkaitan dengan supernatural. Pengkaji memilih penglipur lara sebagai responden kerana menurut Mohd Syamril Akmar (2014:2), panglipur lara ialah seorang yang sangat berkebolehan dalam menyampaikan sesebuah cerita untuk menghilangkan rasa penat, resah dan letih yang dihadapi oleh khalayak atau penonton untuk menonton dan mendengar.

Pemilihan penutur adalah berdasarkan kerjasama dengan penduduk setempat yang memberikan maklumat mengenai penutur yang mahir dalam menuturkan cerita rakyat Melayu serta berdasarkan maklumat yang

diperolehi daripada Jabatan Kebudayaan Negeri Kedah. Penglipur lara amat yang dipilih sebagai responden ialah 5 orang iaitu terdiri daripada lelaki dan perempuan yang berusia antara 35 tahun – 65 tahun yang merupakan penduduk setempat di negeri Kedah.

#### **1.6.4 Batasan Pemilihan Lokasi Kajian**

Malaysia merupakan sebuah negara yang begitu kaya dengan tradisi lisannya. Setiap negeri memperlihatkan begitu banyak cerita rakyat yang dituturkan. Semua negeri mempunyai cerita rakyat yang tersendiri dan dipercayai benar oleh masyarakat setempat yang mendiami negeri tersebut. Walaupun terdapat beberapa cerita yang dituturkan sama tetapi setiap negeri mempunyai versi yang berlainan dan tidak sama jalan ceritanya. Sehubungan dengan itu, kajian mengenai supernatural dalam cerita rakyat Melayu akan dibataskan dari segi pemilihan tempat iaitu kajian ini akan mengfokuskan kepada negeri Kedah sahaja.

Justifikasi pemilihan negeri Kedah yang dipilih untuk dijalankan kajian kerana negeri Kedah terdapat banyak cerita rakyat Melayu yang boleh dikaji. Jadi pengkaji ingin mengkaji tentang cerita rakyat Melayu Kedah dengan mengfokuskan kepada kajian tentang supernatural. Kutipan data iaitu cerita rakyat Melayu di negeri Kedah dilakukan kerana menurut Roslina Abu Bakar, (2020:247) Pulau Langkawi terkenal dan kaya dengan sumber tradisi lisan Melayu. Selain itu juga, menurut Ku Muhammad Asmadi Ku Mohd Saad, (2012:1) negeri Kedah sememangnya terkenal dengan dengan pelbagai keistimewaan sejarahnya yang hebat menelusuri zaman berzaman daripada cerita rakyat seperti cerita lagenda sumpah Mahsuri yang mati dihukum bunuh.

Jesteru, kajian terdahulu juga memperlihatkan bahawa kajian tentang supernatural ini hanya dikaji tentang cerita rakyat negeri Perak. Perkara ini dapat dilihat menerusi kajian yang dilakukan oleh Roslina Abu Bakar (2018) yang memperlihatkan kajian yang menfokuskan kepada makhluk supernatural dalam cerita lagenda Hulu Perak. Kajian ini memperlihatkan bahawa unsur supernatural telah dilakukan kajian di negeri lain.

Di samping itu juga, negeri Kedah juga menjadi pilihan untuk kajian ini dilakukan adalah kerana kurangnya kajian mengenai cerita rakyat Melayu yang terdapat di negeri Kedah. Jika dilihat dari kajian terdahulu, cerita rakyat Melayu Kedah yang dikaji hanya mengfokuskan kepada kajian lain seperti nilai-nilai murni dan mengkaji tentang tokoh-tokoh Kedah dalam cerita rakyat Melayu Kedah. Hal ini dapat dilihat dalam kajian oleh Magendran A/L Vellasamy (2005), yang hanya mengfokuskan kepada tokoh-tokoh dalam cerita rakyat Melayu Kedah iaitu cerita mengenai Puteri Lindungan Bulan.

Selain itu, kajian tentang cerita rakyat Melayu Kedah ini dapat dilihat dengan kajian mengenai aspek nilai-nilai murni iaitu kajian yang dilakukan oleh Mohd Firdaus Bin Che Yaacob (2015), yang mengfokuskan kepada cerita rakyat Melayu Malaysia termasuk cerita yang diambil di negeri Kedah. Kajian ini hanya mengfokuskan kepada nilai-nilai murni yang terdapat dalam cerita rakyat Melayu sahaja. Hal ini dapat dilihat apabila kajian mengenai cerita rakyat Melayu adalah dilakukan secara umum dan difokuskan kepada aspek lain. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa kajian yang dilakukan secara umum dan kurangnya kajian mengenai cerita rakyat Melayu di Kedah menjadikan kerelengan kajian ini dilakukan di negeri Kedah.

#### **1.6.5 Batasan Kaedah Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan di mana pengkaji melakukan kaedah temubual atau wawancara, rakaman dan transkripsi. Wawancara terbahagi kepada dua jenis iaitu wawancara terarah dan wawancara tidak terarah. Wawancara terarah merupakan wawancara yang dirancang terlebih dahulu seperti menyediakan soalan terlebih dahulu untuk dikemukakan kepada penemubual. Jawapannya juga akan dibataskan dengan cara yang relevan agar informan tidak menjawab soalan yang tidak berkaitan dengan pertanyaan yang diajukan. Manakala wawancara tidak terarah pula merupakan wawancara yang bersifat santai serta memberi informan kesempatan untuk menjawab pertanyaan dan memberikan jawapan tanpa had. Oleh itu, pengkaji akan membataskan kaedah kajian ini kepada kaedah wawancara tidak terarah untuk mendapatkan bahan kajian kerana wawancara secara tidak terarah akan memberi informan peluang kepada informan untuk menyampaikan cerita tanpa tekanan dan paksaan. Seterusnya, pengkaji membuat rakaman dengan menggunakan telefon bimbit untuk merakam semua wawancara berkaitan dengan cerita rakyat Melayu. Transkripsi pula dilakukan berikutan rakaman yang telah dibuat berkaitan dengan cerita rakyat Melayu yang terpilih. Rakaman yang diperolehi akan ditranskripsikan ke dalam bentuk teks sebelum dianalisis.

#### **1.6.6 Batasan Teori Konseptual**

Kajian ini dibataskan kepada Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang yang dipelopori oleh Roslina Abu Bakar (2013). Proses komunikasi ini saling berhubung dengan setiap aspek lain dalam kehidupan. Model ini mempunyai elemen yang bersesuaian dengan kajian iaitu terdapat empat unsur asas dan dua unsur tambahan yang merupakan penggerak proses komunikasi antara sumber dan penerima. Unsur asas dalam model ini ialah sumber, mesej, saluran yang membawa mesej dan penerima iaitu khalayak atau penonton. Model ini berkait rapat dengan budaya Melayu.

Pengaplikasian model ini bersesuaian dengan kajian yang dilakukan iaitu tentang supernatural dalam cerita rakyat Melayu Kedah kerana di dalam model ini memperlihatkan tentang hubungan cerita rakyat Melayu dan budaya Melayu. Model ini sesuai untuk mengkaji tentang cerita rakyat Melayu. Cerita rakyat Melayu berkait rapat dengan kepercayaan tentang masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu tradisi amat erat hubungannya dengan alam. Dalam model ini terdapat elemen antara penglipur lara dan juga alam. Jesteru, penganalisisan supernatural dalam cerita rakyat Melayu di Kedah ini dirungkai berlandaskan model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang Roslina Abu Bakar (2013) kerana memperlihatkan keselarian antara cerita rakyat Melayu dan alam. Di samping itu, kajian ini turut memperlihatkan supernatural dalam penyampaian cerita rakyat Melayu yang merangkumi elemen-elemen Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang Roslina Abu Bakar (2013). Elemen-elemen dalam Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang Roslina Abu Bakar (2013), ialah hubungan penglipur lara atau sumber dengan Tuhan, hubungan penglipur lara atau sumber dengan individu, hubungan penglipur lara atau sumber dengan masyarakat dan hubungan penglipur lara atau sumber dengan alam.

Penyampaian cerita rakyat Melayu oleh penglipur lara adalah pengucapan seni yang bersifat indah dan menggambarkan keunikan budaya Melayu. Menerusi model ini turut memaparkan aspek budaya dan pandangan dunia Melayu. Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan tentang cerita rakyat Melayu kerana cerita rakyat Melayu sememangnya erat hubungannya dengan pandangan dunia, budaya, kepercayaan, pegangan, pemikiran, falsafah, dan menggambarkan keseluruhan cara hidup masyarakat. Justifikasi penggunaan Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang Roslina Abu Bakar (2013), bersesuaian dengan pendapat Suryadi (2016:296), yang menyatakan bahawa model ini memberikan tumpuan khusus pada peranan tukang cerita Melayu atau penglipur lara dalam pementasan lisan. Penulis melihat perspektif kebijaksanaan penglipur lara menyampaikan cerita lisan kepada khalayak sehingga mereka suka dan tertarik untuk mendengar dan mendapat kepuasan setelah mendengar cerita. Pengaplikasian menggunakan teori barat , dianggap tidak sesuai untuk kajian ini kerana kepercayaan orang berbeza dengan kepercayaan masyarakat Melayu.

## **1.7 Definisi Operasional**

Beberapa istilah perlu diberi penjelasan untuk memudahkan kefahaman dalam perbincangan dan huraian tentang kajian yang dilakukan ini. Istilah-istilah tersebut ialah paranormal, cerita rakyat dan Melayu.

### 1.7.1 Definisi Supernatural

Menurut Mohd Pozi Hj Masurori (2004:3), masyarakat Melayu masih mempercayai wujudnya kekuatan ghaib yang tidak mempunyai peribadi tetapi memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Oleh kerana sifat semulajadi seorang manusia yang ingin tahu segala hal tentang alam sekeliling dan cuba untuk menjelaskan fenomena-fenomena atau kejadian alam yang berlaku menyebabkan timbulnya andaian yang berunsurkan supernatural dalam kehidupan harian. Apabila kejadian hujan, panas, ribut, gempa bumi dan seumpamanya tidak dapat dijelaskan kepada manusia, mereka akan mula berfikir bahawa wujudnya satu unsur kuasa luar biasa yang menguasai alam sekeliling.

Menurut Maurice N.Richter (1987:87), supernatural sering dikaitkan dengan tingkahlaku kejadian luar biasa ataupun sesuatu yang memiliki kuasa luar biasa. Ia merupakan satu kuasa atau entiti yang tidak boleh dilangkahi oleh keupayaan manusia biasa. Menurut Mohd Koharuddin Mohd Balwi (2005:33), dalam kepercayaan masyarakat Melayu, wujudnya kepercayaan tentang kuasa supernatural yang merupakan sebahagian daripada kepercayaan animisme yang menjadi pegangan masyarakat Melayu pada zaman dahulu. Hal ini sering dikaitkan dengan adanya roh orang yang telah mati, semangat, makhluk alam ghaib atau makhluk halus yang dipercayai mempunyai kuasa yang luar biasa yang membatasi keupayaan fikiran manusia. Kemudian kedatangan pengaruh Hindu- Buddha dalam perkembangan budaya masyarakat Melayu turut membawa elemen-elemen supernatural ini dalam kehidupan seharian. Pengaruh Hindu-Buddha telah menjadikan institusi raja dan golongan pembesar dikaitkan dengan unsur-unsur supernatural.

Wan Nor Jasmina dan Ramli Abdullah (2015:573), menjelaskan walaupun secara kasarnya kepercayaan terhadap kuasa supernatural yang dipengaruhi oleh animisme dan Hinduisme ini dilihat telah lama ditinggalkan oleh masyarakat Melayu, secara tersiratnya ia masih lagi wujud dalam sesetengah elemen seni bagi masyarakat Melayu sehingga ke hari ini.

Menurut Norazimah Zakaria (2015:28), supernatural dikaitkan dengan konsep taat setia yang wujud dalam diri seseorang pemerintah. Seseorang pemerintah dapat menarik konsep taat setia rakyat terhadap pemerintah adalah disebabkan wujudnya unsur supernatural ini. Dalam Hikayat Melayu boleh dilihat sifat supernatural yang ada pada Sultan Abdul Jalil Syah di mana semasa baginda diparang oleh Megat Seri Rama, darah yang mengalir keluar dari tubuhnya disebabkan diparang itu ialah berwarna putih Darah putih yang keluar dari tubuh Sultan Abdul Jalil Syah melambangkan sesuatu yang supernatural atau luar biasa. Darah putih itu melambangkan keperabadian baik atau suci.

Menurut Braginsky (1994: 197), raja berketurunan keturunan dari kayangan dan telah dipilih oleh Tuhan untuk menjadi raja. Oleh sebab itu, simbol bagi raja ialah tenaga kekuasaan yang sakti dan berdaulat. Raja dianggap mempunyai sakti dan kuasa, disebabkan itulah raja disembah dan dijunjung. Afendy Widayat (2008:132), menjelaskan supernatural ialah hal-hal adikodrati yang tidak dapat diterangkan dengan akal sehat. Hal yang bersifat supernatural ini terdapat permasalahan yang tidak dapat dijelaskan dengan bahasa logik yang sewajarnya.

Noriah Taslim (1983:331), supernatural berkaitan dengan perkara-perkara yang tidak dapat digarap oleh kemampuan manusia biasa. Antaranya, kewujudan makhluk-makhluk ghaib yang lain, makhluk-makhluk halus yang realitinya tidak dapat ditanggung tetapi kewujudannya diyakini melalui kesan-kesannya ke atas hidup manusia. Selain itu, kewujudan objek-objek alam yang luar biasa serta binatang-binatang garang atau luar biasa, fenomena alam yang juga dianggap sebagai luar biasa dan segala keluarbiasaan itu tidak dapat dijelaskan oleh rasional pemikiran masyarakat.

Roslina Abu Bakar (2018:372), menjelaskan supernatural boleh membawa maksud makhluk yang mempunyai ciri-ciri keluarbiasaan dan unsur keluarbiasaan itu mampu mencetuskan perasaan hairan, kagum dan takut dalam diri khalayak pendengar. Tidak dapat dibuktikan sama ada makhluk-makhluk ini benar-benar wujud atau tidak kerana kemampuan deria manusia sangat terhad. Namun begitu, masyarakat di alam nyata yang mempunyai pengalaman merasai, melihat dan menyedari kewujudan makhluk supernatural dan mempercayai tentang kewujudan makhluk-makhluk tersebut.

### **1.7.2 Definisi Cerita Rakyat**

Cerita rakyat ialah cerita yang berbentuk naratif. Cerita rakyat atau dikenali sebagai sastera rakyat merupakan sebahagian besar daripada karya kesusasteraan Melayu tradisional. Sastera rakyat ini berkembang dengan masyarakat yang memilikinya secara bersama. Penyebaran cerita rakyat adalah disampaikan secara lisan daripada generasi terdahulu sehingga generasi terkini (Mana Sikana, 2007:15).

Menurut A. Hamid Hasan Lubis (1994:151), cerita rakyat ialah cerita yang diceritakan dari mulut ke mulut oleh masyarakat sejak zaman dahulu lagi. Tiap-tiap bangsa malah tiap-tiap suku bangsa ada cerita-cerita rakyatnya. Seterusnya, menurut Ismail Yusoff (2008:8), sastera rakyat berbentuk cerita yang paling diminati oleh masyarakat kita. Terdapat beberapa jenis cerita rakyat yang tergolong dalam cerita rakyat iaitu cerita teladan, binatang, hantu, legenda, lipur lara dan juga cerita mitos. Setiap cerita rakyat yang disampaikan kepada khalayak ini mempunyai fungsinya tersendiri, salah

satunya ialah sebagai alat hiburan kepada masyarakat.

Manakala Harun Mat Piah (2003:5), pula membahagikan sastera rakyat Melayu kepada dua bentuk iaitu cerita dan bukan cerita. Cerita ialah naratif dan bukan cerita ialah bukan naratif. Menurutnya sastera rakyat bentuk cerita ini dikenali sebagai cerita rakyat atau cerita yang berbentuk lisan yang terdiri daripada pelbagai jenis cerita. Cerita rakyat ini adalah simpanan akal oleh pencerita semata-mata ataupun mungkin merupakan satu peristiwa yang benar-benar terjadi dan diceritakan kepada satu generasi kepada generasi yang akan datang.

Menurut hasil penulisan Roslina Abu Bakar (2013:46), yang menjelaskan terdapat kekeliruan dalam mengelaskan jenis cerita rakyat yang sedia ada. Oleh itu, beliau memetik pendapat James Danandjaja (1984:50) yang menyatakan sebenarnya terdapat antara cerita rakyat yang mempunyai ciri-ciri yang sukar untuk digolongkan dalam satu kategori. Oleh itu, jika cerita-cerita tersebut lebu menjurus kepada cerita mitos, maka cerita tersebut akan dikategorikan sebagai cerita mitos dan begitu jugalah cerita rakyat yang lain.

Ismail Yusof (2008:5), berpendapat sastera rakyat adalah satu bentuk kesusasteraan Melayu lama yang tertua di dalam masyarakat Melayu. Sastera rakyat berbentuk cerita lisan, wujudnya sebelum kesusasteraan yang bertulis. Hasil-hasil cerita ini dikatakan sastera rakyat kerana ia dicipta, disebar, dinikmati oleh rakyat dan diluar daripada golongan istana. Maka karya-karya ini dipanggil sebagai sastera rakyat.

Menurut Aripin Said (1996:15), cerita rakyat ini selalunya bersifat yang universal dan cerita ini lahir dalam masyarakat yang primitif. Masyarakat pada masa itu tertutup daripada pengaruh luar kerana mereka hanya bertani, berburu, dan menangkap ikan untuk menampung kehidupan seharian. Selain itu juga, Ismail Yusof (2008:9), menjelaskan bahawa cerita-cerita rakyat dengan bentuknya sendiri itu boleh diaggap sebagai pengganti radio, televisyen dan wayang gambar pada zaman moden ini. Cerita rakyat ini merupakan alat bagi masyarakat tradisional menyempurnakan kehendak jiwanya sesuai dengan pemikiran mereka pada zaman itu.

Mohd Taib Osman (1991:1), berpendapat cerita rakyat ialah cerita yang merupakan sebuah cerita hasil daripada simpanan dalam akal fikiran orang yang menutur dan tetap wujud kerana cerita rakyat merupakan tradisi milik bersama dan cerita rakyat akan diceritakan berulang kali.

Cerita ini bukanlah satu ciptaan tetapi cerita yang diturunkan dari generasi ke generasi yang lebih muda.

### 1.7.3 Definisi Melayu

Menurut Wan Abdul Kadir (1993:26) konsep Melayu selalu menimbulkan tanda tanya dan kekeliruan. Ini diikuti pula dengan munculnya penggunaan konsep “bumiputera” dan “peribumi”. Di dalam bidang akademik, Melayu itu meliputi takrif yang diberikan dalam Perlembagaan Malaysia. Melayu dalam konsep yang luas adalah meliputi penduduk asal di rantau Nusantara ini.

Menurut Roslina Abu Bakar (2013:46), Melayu merujuk kepada penduduk asal di Semenanjung Malaysia. Konsep Melayu amat erat hubungannya dengan agama Islam, di mana orang Melayu mestilah beragama Islam. Konsep Melayu ditentukan kepada tiga ciri iaitu keturunan Melayu beragama Islam, berbahasa ibunda iaitu bahasa Melayu dan mengamalkan adat istiadat orang Melayu dalam kehidupan.

Ibrahim Yaacob berpendapat (1951:10), definisi Melayu ialah orang bangsa Melayu iaitu orang yang asalnya berketurunan penduduk asli di negeri Melayu atau dikenali Malaya serta pulau-pulau Melayu yang lain iaitu Indonesia dan sekitarnya. Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2004:982), Melayu ialah nama satu bangsa atau bahasa terutamanya di semenanjung Malaysia. Melayu merupakan orang yang mengikut cara hidup Melayu orang Melayu dan adat resam Melayu.

Menurut Mohamed Mansor Abdullah (1993:247), Melayu ialah setiap suku kaum yang bertutur dalam bahasa Melayu, dari tanah Jawa, Pulau Sulawesi, Tanah Sumatera mahupun Pulau Bali tergolong dalam golongan orang Melayu. Hal ini disebabkan oleh Melayu di Tanah Jawa, Pulau Bali, Pulau Sulawesi serta Tanah Sumatera juga digabungkan dalam satu rumpun bangsa yang sama dan mempunyai adat serta resam yang sama dengan orang Melayu di Tanah Melayu.

Secara kesimpulannya, cerita rakyat Melayu merupakan sebahagian daripada sastera rakyat milik orang-orang Melayu. Diturunkan secara turun-temurun dan diwarisi dari generasi ke generasi secara lisan. Cerita rakyat Melayu kaya dengan unsur supernatural iaitu melibatkan hal-hal yang berada di luar kebiasaan alam nyata. Termasuklah perkara-perkara yang aneh. Cerita rakyat Melayu juga turut mempunyai unsur supernatural seperti cerita yang memerikan kewujudan makhluk ghaib dan makhluk halus, kewujudan objek-objek luar biasa dalam cerita, kewujudan binatang-binatang yang luar biasa, kewujudan fenomena yang luar biasa dan kewujudan alam yang luar biasa. Dalam cerita rakyat Melayu, dunia ghaib dan dunia nyata ini saling bergabung jalin dan berinteraksi. Cerita rakyat Melayu ini dipercayai benar oleh masyarakat setempat yang tinggal di kawasan di mana cerita ini berkembang.

## 1.8 Kesimpulan

Kajian ini menjurus kepada kajian supernatural dalam cerita rakyat Melayu terpilih. Kajian ini akan menjelaskan supernatural dalam cerita rakyat Melayu dan menganalisis supernatural dalam cerita rakyat Melayu terpilih berlandaskan Model R.Lina : Komunikasi Dua Hala Terancang (Roslina Abu Bakar, 2013). Hampir semua masyarakat di dunia ini memiliki cerita rakyat mereka yang tersendiri, dan hal ini membuka ruang kepada pengkaji untuk mengkaji supernatural dalam cerita rakyat Melayu terpilih yang merentasi sempadan ruang dan masa, nilai dan sistem kepercayaan dalam kalangan masyarakat Melayu.



## BIBLIOGRAFI

Al-Quran.

(2004). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Rashid Melebek & Amat Juhari Moain (2005), *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Adilah Hj. Jusoh & Fazilah Husin. (2016). Makna dan Fungsi Busana dalam Naskah Melayu Syair Agung. *Journal of Business and Social Development*. 4:2. 58-75.

Afendy Widayat (2008). Tema Supernatural dan Pengaruhnya pada Fakta Cerita dalam Novel Sirah Karya Ay. Suharyono. Dlm. *Jurnal Penelitian Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya*, hlm. 132-144. Yogyakarta : Fakultas Bahasa dan seni Universitas Negeri Yogyakarta. Dirujuk dari <http://staff.uny.ac.id/sites/default/files/penelitian/drs-afendy-widayat-mphil/4-litera-tema-supernatural-dan-pengaruhnya-pada-faktacerita-novel-sirah-karya-ay-suharyono-2008.pdf>

A.Hamid Hasan Lubis. (1994). *Glosarium Bahasa dan Sastra*. Bandung : Penerbit Angkasa Anggota IKAPI.

Ahmad Zuhairi Abdul Halim, Hariza Mohd. Yusof & Nizamiah Muhd Nor. (1999). *Amalan Mistik dan Kebatinan serta Pengaruhnya terhadap Alam Melayu*. Petaling Jaya, Selangor : Tamaddun Research Trust.

Ahmad Jelani Halimi. (2008). *Sejarah dan Tamadun Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.

Ali Ahmad. (1994). *Pengantar Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aripin Said. (1996). *Prosa Warisan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Asmah Hj Omar. (1993), *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Percetakan T.I

Awang Azman Awang Pawi. (2013). Weltanschauung dan Manifestasi Kepercayaan Tradisi Etnik di Sarawak. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. 6:2. 139-154.

- Azlina Asaari & Jamaluddin Aziz. (2017). Perkembangan Filem Seram di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *Journal of Social Science and Humanities*. Vol. 12, No 2. 30-45.
- Braginsky, V.I. (1994). *Nada-nada Islam dalam sastera Melayu klasik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cavendish, R. (1994) *The World of Ghosts and the Supernatural*. Waymark Publications : Basingstoke.
- Danandjaja, J. (1984). *Folklor Indoneisa, Ilmu Gosip, Dongeng dan Lain-lain*. Jakarta : Penerbit Pt. Grafiti Pers.
- Durasima Nameing. (2017). Tapak Batu Buaya, Santubong dari Sudut Arkeologi. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. 1(1). 59-76.
- Dwi Rili Lestari. (2008). *Pengenalan Penyakit Darah dengan Citra Darah Menggunakan Metode Logika Fuzzy*. Tesis Sarjana. Fakultas Teknik Elektro. Universitas Indonesia. Tarikh diakses 20 Mei 2019, dari <http://lib.ui.ac.id/file?file=digital/20279875-R0308136.pdf>
- Hamidah Abdul Hamid. (1995). *Pengantar Estetik*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hamiza Halim. (2019). *Kisah Gunung Jerai*. Jitra, Temubual, 28 Okt. Hani Salwah Yaakub et al. (2016). *Filem Seram Tempatan: Menelusuri Unsur-unsur Syirik dalam Tiga Filem Seram*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Hani Salwah Yaakub. (2018). Tombiruo : Adaptasi Novel ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 34(2). 323-33).
- Harun Mat Piah. (2003). *Sastera Rakyat Malaysia, Indonesia, Negara Brunei Darussalam : Suatu Perbandingan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haron Daud. (2008). *Mantera dan Unsur Luar Biasa dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.
- Haron Daud. (2000). Tradisi Lisan : Ilmu Perbomohan. *Bengkel Tradisi Lisan* .Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. p.429.
- Hashim Awang. (1986). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn.Bhd

- Hashim Musa, Rozita Che Rodi & Salmah Jan Noor Muhammad. (2014). Sejarah ringkas warisan perkapalan tradisional Melayu. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayi (Iman)*.2(3). 31-42.
- Haron Daud. (2009). *Mantera dan Unsur Luar Biasa dalam Masyarakat Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Haviland, W.A. (terj.). (1988). *Antropologi*. 4 ed. Jakarta : Penerbit Erlangga.
- Ibrahim Yaacob. (1951). *Nusa dan bangsa Melayu*. Jakarta : Al : Maarif.
- Intan Farhana Saparudin, Fariza Md Sham & Salasiah Hanum Hamjah.(2014). *Pemahaman Konsep Histeria dalam Masyarakat Melayu*.Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Yusoff. (2008). *Kesusasteraan Melayu Lama dan Baru*. Sintok : Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Jelani Harun. (2018, Mei). Naratif Paranormal Melayu. *Dewan Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 36-40.
- Karolyi, G. (2009). *An Excursion Into The Paranormal*. Australia : The Paranormal Phenomena Research Foundation.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman & Abdul Latif Samian.(2012). Falsafah Perkerisan dalam Masyarakat Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation*. 30(1).105-119.
- Ku Ahmad Ku Sulung. (2019). *Kisah Mahsuri*. Langkawi, Temubual, 1 Mei.
- Ku Muhammad Asmadi Ku Mohd Saad. (2012). *Dato' Syeikh Abdul Halim Othman (1910-1997M : Sejarah dan Sumbangan di Negeri Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Madiawati Mamat@Mustaffa & Rohaya Md Ali. (2019).*Fantasi Mitos dalam Sastera Rakyat Melayu dan China dalam Goh Sang Seong* (ed),Jalanan Tamadun Melayu-China: Terjemahan Bahasa dan Budaya. Kuala Lumpur: ITBM. 161-179.
- Mana Sikana.(1998).*Teori dan Pendekatan Sastera Moden*. Shah Alam : Fajar Bakti Sdn bhd.
- Mana Sikana. (2007). *Teras Sastera Melayu Tradisional*. Bangi : Terbitan Pustaka Karya.
- Md Salleh Yaspar. (1985). *The World - view of Peninsular Malaysian Folk – Tales and Folk Drama*. Dalam Mohd Taib Osman ( Ed), *Malaysian World - view*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

- Meor Shariman (2007). *33 Hantu*. Kuala Lumpur : KRU Media.
- Mohd Firdaus Che Yaacob, et. al. (2017). Cerminan Moral Positif dalam Cerita-cerita Rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. Vol. 6. 35-44.
- Mohd Firdaus Che Yaakob & Normaliza Abd.Rahim. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-Kanak Melalui Nilai-Nilai Murni. *Jurnal of business and Social Deveolpment* 2(2): 74-85.
- Muhd. Nur Iman Ramli. (2017). *Raja Bersiung*. Selangor: PTS Publications.
- Mohd Taib Osman. (1991). *Pengkajian Sastera Rakyat Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. (1989). *Masyarakat Melayu : Struktur, Organisasi dan Manifestasi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Khairulnazrin bin Mohd Nasir, Muhammad Syafee Salihin Hasan & Ishak bin Haji Suliaman. (2016). *Kepercayaan Animisme Menurut Perspektif Sunnah Nabawi dan Ahli Antropologi Barat: Satu Kajian Awal*. Selangor : Kolej Islam Antarabangsa Selangor.
- Mohd Syamril Akmar Che Kassim. (2014). *Penglipur Lara Awang Batil : Nilai, Fungsi dan Falsafah dalam Penyampaian (Cerita dan Lagu)*. Perlis : Universiti Malaysia Perlis.
- Mohd Pozi Haji Masurori. (2004). *Idea Pembinaan Negara Bangsa dalam Genre Hikayat: Hikayat Syah Kobat*. Bangi, Selangor : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Khairuddin Mohd Balwi. (2005). *Peradaban Melayu*. Skudai : Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor & Muhammad, Mohd Sharifudin Yusop. (2015). Cerita Rakyat Melayu: Suatu Analisis Pancaran Jati Diri Masyarakat Melayu sebagai Cerminan Kebudayaan Melayu, *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*. 03: 91-100.
- Mohd Fazreen Balamis. (2019). *Kisah Ular Santamani*. Langkawi, Temubual, 2 Mei.
- \_\_\_\_\_. (2019). *Pulau Dayang Bunting* Langkawi, Temubual, 2 Mei.
- \_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Telaga Tujuh Langkawi*, Temubual, 2 Mei.

\_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Tanjung Cincin dan Bukit Hantu*.

Langkawi, Temubual, 2 Mei.

\_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Garuda dan Jentayu*, Langkawi, Temubual, 2 Mei.

Mohamad Sukki Othman & Roslina Abu Bakar. (2021). The Communication of Islamic Perspectives from the Poem Alif Ba Ta. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 11(1), 67–81.

Mohamed Zahir Ismail. (2000). *The Legends of Langkawi*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Mohd Fauzi Mohd Isa. (2019). *Kisah Puteri Lindungan Bulan*. Kepala Batas, Temubual, 12 Mac.

\_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Gunung Keriang*. Kepala Batas, Temubual, 12 Mac.

\_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Raja Bersiung*. Kepala Batas, Temubual, 12 Mac.

\_\_\_\_\_. (2019). *Kisah Gunung Mat Raya Gunung Mat Cincang*. Kepala Batas, Temubual, 12 Mac.

Mustafa Mohd. Isa. (1984). *Penglipur Iara Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady. (2001). Kosmologi pada Para Fuqaha dan Ulama Sufiah. Dalam Yaacob Haron (Ed), *Pemikiran Melayu dalam Kosmologi Melayu*. Kuala Lumpur: APMUM. 10 – 22.

N. Richter, M. (1987). *Exploring Sociology*. New York : Peacock Publishers.  
Mahyuddin Ismail. (2012). *Hantu Raya dan Orang Bunian adalah Bangsa Jin*. Tarikh diakses 18 Julai 2019, dari <http://mahyuddin09.blogspot.com/2012/09/cerita-bunian-hantu-raya.html>

Ni Luh Gede Yogi Arthani et al. (2015). Praktek Paranormal dalam Kajian Hukum Pidana di Indonesia. *Jurnal Advokasi*. Vol. 5. No.1. 30-40.

Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, Arba'ie Sujud & Liliy Salwani Razali. (2010). Rahsia Di Sebalik Unsur Alam Dalam Cerita - Cerita Rakyat Malaysia, dlm . *Prosiding Persidangan Kebangsaan Alam dalam Kesusasteraan*. Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.

- Nik Safiah Karim. (2010). *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Noor Nalalita Mat Daim. (1995). *Unsur Kepercayaan Melayu dalam Cerita Rakyat*. Latihan Ilmiah. Bangi, Selangor. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noriah Taslim. (1983). *Makna Legenda Keramat Melayu: Satu Analisis Struktural Teks Legenda Keramat Lebai Kader dari Kedah. Bengkel Pengkajian Tradisi Lisan Bercorak Cerita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (p. 331).
- Noriah Taslim. (2010). *Lisan dan Tulisan : Teks dan Budaya*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normaliza Abd Rahim & Mohd Firdaus Che Yaacob. (2014). Cerita Rakyat Membentuk Moral Positif Kanak-kanak Melalui Nilai Murni. *Journal of Business and Social Development*. Vol 2, No 2. 74-85.
- Norazimah Zakaria, Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, Makmur Harun & Farra Humairah Mohd. (2019). Unsur Mitos Berasaskan Teks Sastra Melayu Tradisional. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*. 2:6. 78-87.
- Norazimah Zakaria. (2015). Penghayatan Nilai Murni dalam Pembangunan Modal Insan Melalui Kesusasteraan Melayu Tradisional. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 10 : 25-32.
- Norazimah Zakaria, Rusniyati Mahiyaddin & Soti Nor Amira Baharuddin. (2013). Cerita Mitos dalam Dua Dunia. *Jurnal Peradaban Melayu*. Jilid 8, 45-60.
- Noridzin Hanafiah. (2019). *Kisah Bidan Ngah Don*, Jitra, Temubual, 20 Jun. Nor Hanisah Halim, Roslina Abu Bakar & Arba'ie Sujud. (2021). Supernatural in Malay People Folklore in The Langkawi, Kedah District. *International Journal of Academic Research In Business and Social Science*. 11(3), 1425-1437)
- Nurhayati Diyana Musa. (2015). *Konflik-konflik dalam Drama Shaharom Husain*. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nurul Hilwany Che Shaffine. (2015). Pemikiran Islam dalam 'Ayn Karya Kemala. *Jurnal Melayu*. 14(2). 240-259.
- Puteh Noraihan A. Rahman & Zahir Ahmad. (2017). Hubungan Symbolisme dan Spiritualisme Dewa-Raja dalam Kesusasteraan Melayu Klasik. *Jurnal Kemanusiaan*. Vol 24, No. 2. 123-139.

Rogayah Chek & Zainora Daud. (2016). Doktrin Khurafat: Pemahaman Menurut Perspektif Al-Quran dan Al-Hadith. *Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah*. Bangi, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia. 945-965.

Roslina Abu Bakar. (2021). The Uniqueness of Storytelling on Malay Folktales. Dalam Surajit Sarkar & Nerupama Y. Modwel (Eds.). *Oral Traditions, Continuities and Transformations in Northeast India and beyond*. (pp. 51-67). London & New York. Routledge Taylor & Francis Group.

\_\_\_\_\_. (2017). Komunikasi Tradisi dalam Kepengarangan Hikayat Pelanduk Jenaka. *The Asian Journal of Humanities*. Vol. 24 (1):23-49.

\_\_\_\_\_. (2012). *Kosmologi Tradisi dalam Cerita Rakyat Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Sept. Ms 29-33.

\_\_\_\_\_. (2013). *Komunikasi Dua Hala Terancang: Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu*. Bangi, Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

\_\_\_\_\_. (2013). Komunikasi Dua Hala Terancang: Satu Aplikasi dalam Penyampaian Cerita Rakyat Melayu. [Ulasan tentang Model R.Lina:Komunikasi Dua Hala Terancang oleh Suyardi] *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu* 9. 295-299.

\_\_\_\_\_. (2018). Makhluk Supernatural dalam Cerita Lagenda Daerah Hulu Perak Suatu Realistik dan Fantasi. In Mohamad khadafi, Mashetoh Abd Mutalib, Melor Fauzita Md. Yusoff, Mohd Akram, Rafizah Mohd Rawian & Norazita Abdul Aziz (Eds.), (2018) *Prosiding Seminar Islam & Kelestarian Ummah Peringkat Kebangsaan "Ke Arah Pemeriksaan Jati Diri Masyarakat Malaysia"* Sintok, Kedah:Universiti Utara Malaysia. 371-382.

\_\_\_\_\_. (2020). Cerita Rakyat Melayu 'Mahsuri' dan 'Ular Cintamani' : Realistik atâu Fantasi?. *Jurnal Warisan Tidak Ketara*. Bil 1/2020. 247-261. Kuala Lumpur : Jabatan Warisan Negara Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Malaysia.

Roslina Mat Riffin (1992). *Histeria: Satu Kajian Kes Mengenai Pandangan Orang Melayu di Bachok Kelantan*. Latihan Ilmiah. Universti Malaya, Kuala Lumpur.

Roucek, J. S & Warren R. L. (1979). *Sosiologi Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Sastri Sunarti. (2017). Kosmologi Laut dalam Tradisi Lisan Orang Mandar di Sulawesi. *Jurnal Aksara*. Vol 29, No. 1. 33-48.
- Shuhairimi Abdullah. (2006). Institusi Bomoh dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*. (Jun). 181-203.
- Siti Khatijah Rahim et al. (2016). *Pengaruh Filem Terhadap Akidah Muslim: Analisis Perubahan Kepercayaan Masyarakat Melayu*. Serdang : Universiti Putra Malaysia.
- Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. (2014). Konflik dalam Cerita Rakyat dan Kesannya kepada Kanak-Kanak. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*. 5, 185 - 206.
- Stith, T. (1946). *The Folktale*. New York : The Dryden Press. Taylor, E. B. (1974). *Primitive Culture*. New York:Gordon Press.
- Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Ja'afar. (2013). Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota dan Keris dalam Hikayat Hang Tuah. *Jurnal Melayu*. Jilid 11. 99-109.
- Wan Nor Jasmina Wan Ariffin & Ramle Abdullah (2015). Unsur Supernatural dalam Cerita Tradisional Wayang Kulit Masyarakat Melayu Kelantan. *Prosiding of ICIC2015 "International Conference on Empowering Islaic Civilization in the 21 Century"* Terengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin. 565-573.
- Wan Abdul Kadir. (1993). *Budaya Melayu dan Perubahan*. Petaling Jaya : Masfami Enterprise.
- Wan Abdul Kadir. (2000). *Tradisi dan Perubahan Norma dan Nilai di Kalangan Orang-orang Melayu*. Petaling Jaya : Masfami Enterprise.
- Wan Faizah Wan Yusoff. (2014) Keharmonian Antara Manusia, Alam dan Pencipta Dalam Perubatan Melayu. Dlm. *Merekayasa Kearifan Tempatan Citra Seni Dalam Teknologi*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 14-25.
- Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadaffi Hanafiah & Mohd Norizam Jamian. (2016). Kepandaian Orang Melyu dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional. *Malaysia Journal of Society and Spaces*. 79-91.
- Zainal Abidin Borhan. (1999). Budaya Melayu: Akhlak Mulia Mayarakat Jaya. Dlm. *Seminar Kefahaman Budaya*. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Zainal Abidin Borhan. (1999). Manusia, Budaya dan Jati Diri. Dlm. *Seminar Kefahaman Budaya*. Kuala Lumpur : Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Zainal Jain & Siti Meriam Yusoff. (2010). *Siri Islam dan Masyarakat : Fenomena Alam atau Azab Allah*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.

